

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tindakan yang telah dilakukan Kementerian bagi menyelesaikan masalah pemilikan bertindih (multiple ownership) yang dihadapi oleh pemilik tanah di Kampung Bharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jerai, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) tidak menerima sebarang aduan daripada mana-mana pemilik tanah di Kampung Bharu berhubung isu hakmilik yang dikeluarkan bertindih di atas sesuatu tapak/tanah.

Bagi pemilikan yang melebihi daripada seorang pemilik (*multiple-ownership*) di dalam sesuatu hakmilik, ianya tidak bercanggah dalam mana-mana peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara 1965. Ini jelas dinyatakan melalui Seksyen 342 (1) dan Seksyen 342 (2) peruntukan Kanun berkenaan:-

- 1) Dalam Akta 342 (1) ini “Kepunyaan bersama” ertiya pegangan tanah berimilik oleh dua atau lebih orang atau badan dalam bahagian-bahagian yang tak dipecahkan; dan
- 2) Dalam Akta 324 (2) semua tanah berimilik yang terletak kepada dua atau lebih orang atau badan hendaklah dipegang oleh mereka sebagai tuanpunya bersama melainkan, menurut Seksyen 344 atau 346 atau peruntukan-peruntukan bersamaan mana-mana undang-undang tanah terdahulu, mereka didaftarkan sebagai pemegang-pemegang amanah atau wakil.

PPTGWPKL tiada kuasa di dalam menetapkan sebarang had bilangan pemilik ke atas hakmilik di Kampong Bharu. Bagi menangani isu pemilikan *“multiple-ownership”* yang terlalu ramai dalam sesuatu hakmilik tanah di Kampong Bharu, ianya terpulang sepenuhnya kepada semua pemilik-pemilik bahagian/syer dalam hakmilik berkenaan untuk berunding serta bermuafakat antara satu sama lain sekiranya bahagian/syer hendak dipindahmilik kepada pemilik-pemilik lain (di dalam hakmilik berkenaan).